

**Agensi Persekutuan Di Sarawak Diminta Tingkatkan Keselamatan Premis
Bernama
Julai 27, 2011**

KUCHING, 27 Julai (Bernama) -- Semua jabatan dan agensi persekutuan, terutamanya yang menyewa di premis komersial diminta mempertingkatkan aspek keselamatan berikutan satu kes kecurian peralatan teknologi komunikasi maklumat baru-baru ini.

Setiausaha Persekutuan Sarawak Datuk Md Yahaya Basimin berkata kes berkenaan bukan hanya merugikan kerajaan tetapi maklumat yang berguna dalam komputer yang hilang boleh menjejaskan pelaksanaan tugas pegawai.

"Oleh itu semua ketua jabatan perlu memeriksa semula tahap keselamatan premis, termasuk membuat kunci tambahan, kamera litar tertutup dan mengadakan khidmat pengawal keselamatan seterusnya mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Kempen Jalur Gemilang, peringkat jabatan persekutuan negeri Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar di sini pada Rabu.

Md Yahaya juga berkata memandangkan ramai penjawat awam akan bercuti panjang untuk Hari Raya yang akan datang, ketua jabatan juga harus meminta bantuan polis membuat rondaan ke premis masing-masing sepanjang musim perayaan nanti.

Mengenai kempen berkenaan yang diadakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-54 dan Hari Malaysia pada 16 Sept, beliau berkata semua agensi persekutuan perlu menjadi contoh terbaik dan menunjukkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing.

Pada majlis itu, 1,000 Jalur Gemilang diedar kepada penjawat awam dan dipasang pada kenderaan kerajaan persekutuan.

-- BERNAMA